

## **POLISI TEMPAT LETAK KENDERAAN PUSAT PERUBATAN UKM**

### **Syarat dan Peraturan**

1. Petak Tempat Letak Kereta adalah satu kemudahan yang diberikan oleh Pusat Perubatan UKM kepada kakitangan yang layak. Ianya bukanlah hak milik individu atau peruntukan untuk mana-mana jabatan dan boleh ditukar/ditarik balik dengan arahan pihak berkuasa PPUKM.
2. Kelayakan kakitangan adalah seperti berikut;
  - 2.1 **Zon A** diberikan kepada kakitangan Gred 48 ke atas, Ketua Jabatan dan pegawai-pegawai lain yang mendapat kelulusan pengurusan PPUKM.
  - 2.2 **Zon B** dikhaskan untuk Pegawai yang layak dan sedang menunggu mendapat tempat letak kereta di Zon A.
  - 2.3 **Zon C, D, E, F, G dan L**
    - 2.3.1 untuk semua kakitangan secara gunasama berdasarkan siapa dahulu "first come first serve" **kecuali** petak kereta berbumbung di Zon C (C26-C40), di Zon F (F16-F32 dan F122-F137), petak khas Rumah Ronald Mc Donald dan petak khas SAHABAT di Zon G. Tempat Letak Kereta berbumbung akan diberikan kepada kakitangan gred 44 keatas dan pegawai lain yang mendapat kelulusan pengurusan PPUKM.
    - 2.3.2 **Zon C, G dan L** adalah secara gunasama berdasarkan siapa dahulu "first come first serve" bagi kakitangan waktu bekerja **SHIF**.
    - 2.3.3 Manakala **Zon D,E dan F** adalah secara gunasama berdasarkan siapa dahulu "first come first serve" bagi kakitangan waktu bekerja **PEJABAT**.
    - 2.3.4 **Zon F petak F1 hingga F15** adalah khusus kepada semua kakitangan yang berdasarkan kepada konsep tempahan. Permohonan perlu dimajukan ke Jabatan Keselamatan sebelum hari penggunaan.
  - 2.4 **Zon H** akan dikosongkan bagi kerja-kerja membina tempat letak kereta bertingkat yang akan bermula pada Disember 2012.
  - 2.5 **Zon K** untuk Pelajar Perubatan Prasiswazah yang menginap di KTDI sahaja.
  - 2.6 **Zon N** untuk Pegawai Perubatan Atas Panggilan sahaja mengikut Jabatan. Sila rujuk di **LAMPIRAN 3**.
  - 2.7 **Zon P** adalah untuk Pegawai Kanan, Pelawat, Pensyarah Jemputan, Polis dan lain-lain berdasarkan konsep tempahan. Permohonan perlu dimajukan ke Jabatan Keselamatan sebelum hari penggunaan.
- 3 Sekiranya semua petak telah penuh, kakitangan boleh meletakkan kereta di tempat letak kereta sekitar stadium dan kolam renang.

- 4 Kakitangan OKU pula ditempatkan di mana-mana zon mengikut keperluan dan kelulusan Pengurusan. (perlu mempamerkan kad OKU).
- 5 Semua kenderaan yang diletakkan di petak tempat letak kenderaan hendaklah diletakkan secara "Reverse Parking" untuk memudahkan pergerakan semasa kecemasan.
- 6 Pelekat hanya diberi kepada kakitangan yang mempunyai dan memandu kereta untuk bekerja. Pelekat kereta tidak boleh dipindah milik tanpa kebenaran bertulis dan tindakan mandatori menarik balik kemudahan ini akan diambil.
- 7 Kakitangan yang menjalankan kursus/cuti belajar melebihi 6 bulan, kemudahan tempat letak kereta yang diperuntukan akan ditarik balik.
- 8 Kakitangan perlu meletakkan kenderaan dipetak kenderaan yang kosong dan Di Larang meletak kenderaan secara berlapis. Sekiranya didapati meletak kenderaan secara berlapis, tindakan "clamping" akan dikenakan. Denda "clamping" adalah sebanyak RM50.00.

**Disediakan oleh:**

**Jabatan Pentadbiran Am**

**Tarikh Kuatkuasa : 1 Disember 2012**